

30 JAN 2002

BOEING-PERKONGSIAN/I

BOEING MAHU PERKONGSIAN "SAMA-SAMA MENANG" DGN M'SIA DLM INDUSTRI ANGKASA LEPAS

Oleh: Mikhail Raj Abdullah

KUALA LUMPUR, 30 Jan (Bernama) -- Boeing Company, pengeluar pesawat terbesar di dunia, mahu menjalinkan perkongsian dengan pelanggan-pelanggan yang boleh menjanjikan situasi "sama-sama menang" bagi syarikat itu dan juga ekonomi penerima.

Naib Presiden Kanan, Gerald E. Daniels, berkata syarikat itu merancang untuk membentuk perkongsian dan usaha sama di Malaysia merangkumi pesawat komersil dan tentera serta sektor angka lepas dan komunikasi ketenteraan.

"Kami berhasrat untuk mengukuhkan perkongsian dengan negara-negara dengan lebih bermakna lagi secara menggembeling tenaga dari semua segi dengan ekonomi-ekonomi mereka," katanya dalam satu temubual semalam.

Misalnya, beliau berkata Koridor Raya Multimedia (MSC) menawarkan peluang yang besar.

"Penekanan ke atas MSC boleh jadi dalam banyak arah yang berbeza, daripada pengeluaran semikonduktor yang khusus, kepada kejuruteraan perisian yang boleh menjadi kepentingan terbaik bagi Malaysia dan Boeing," katanya.

"Tiada yang lebih baik daripada sub-kontraktor diutamakan, atau sesuatu yang kita miliki, bina dan kendalikan operasinya dalam negara sendiri, tidak kira sama ada ia komunikasi komersil, tentera atau angkasa lepas," katanya.

Sebelum ini, industri-industri seperti Ford Motor Company bergabung secara menegak, di mana mereka mendapat bahan mentah, membuat keluli, memotong kepingan dan sebagainya.

"Tetapi kini, kebanyakan syarikat sejak beberapa tahun lalu telah beralih arah daripada konsep itu. Boeing kini menumpukan kepada reka bentuk dan terlibat dalam penggabungan pemasangan akhir, oleh itu kami bukan syarikat bergabung secara menegak," kata Daniels.

Sebaliknya, "kami mahu bergabung dari segala segi dan mempunyai kemasukan kepada asas bekalan di setiap peringkat, mereka mungkin bukan sebahagian daripada Boeing dari segi pemilikan tetapi mereka akan menjadi sebahagian mutlak daripada Boeing.

"Mereka boleh menyediakan bahan mentah, bahagian-bahagian perisian dan kejuruteraan," katanya.

Dengan menyebut kilang pengeluaran bahan mentah komposit di Kedah sebagai satu usaha sama yang berjaya antara Malaysia dan Boeing, beliau berkata ia adalah satu contoh terbaik menggabungkan tenaga kerja dan teknologi untuk membuat bahagian-bahagian tertentu.

Perkongsian ini boleh jadi dalam bentuk menyediakan bahan mentah, bahagian-bahagian dan kemudahan kejuruteraan, katanya.

Daniels berkata beliau berada di Malaysia untuk melihat sejauh mana prestasi produk Boeing dan bagaimana syarikat yang berpangkalan di Seattle itu boleh menyertai dengan cara yang lebih berfaedah di Malaysia sejajar dengan pembangunan dalam industri angkasa lepas negara.

Ketika berada di sini, beliau telah mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak, pegawai-pegawai tertinggi Tentera Udara DiRaja Malaysia serta ketua-ketua industri.

Beliau yang kagum dengan kejayaan ekonomi yang dicapai oleh Malaysia sejak beberapa tahun lalu, berkata, "pertumbuhan adalah luar biasa dan malahan ketika seluruh dunia bergelut dengan ekonomi masing-masing, Malaysia masih mampu bertahan."

"Tujuan saya terutamanya adalah mendapat peluang melihat bagaimana prestasi kami, di manakah arah Malaysia dalam pelan pembangunannya sendiri, di mana Boeing boleh membantu dan mencari isu-isu bertindih untuk kebaikan Malaysia dan Boeing," katanya.

Beliau juga berkata model baru Boeing F/A-18E/F "Super Hornet," yang sedang dinilai oleh Malaysia, turut diperbincangkan.

Berhubung status perbincangan Super Hornets, beliau berkata Kementerian Pertahanan sedang melihat kepada opsi itu dan telah menyatakan minat mereka terhadap sebuah pesawat bersepadu.

"Mereka meminta maklumat terperinci daripada kerajaan AS dan pelbagai pasukan teknikal telah datang ke sini untuk meninjau kemungkinan kerjasama industri," katanya.

Dengan kerajaan mendapatkan semua maklumaat bagi semua pesawat yang bersaing, langkah seterusnya bagi kerajaan adalah untuk menilai calon-calon pesawat termasuk Super Hornet.

Kemudiannya, selepas menangani perkara remeh temeh perniagaan, kos dan keupayaan," kami (Boeing) berharap kepada keseluruhan program penyertaan perindustrian," kata Daniels.

Beliau berkata Boeing berminat menyediakan sokongan kepada industri angkasa lepas dan menjaga produk selepas penghantaran. Ini termasuk latihan, pensimulasi, pengurusan bahagian-bahagian ganti, penyelenggaraan pesawat dan menaikkan taraf pengubahsuaian. -- BERNAMA

MR FR ZK